

RASUAH DAN PENYALAHGUNAAN KUASA

RASUAH DAN PENYALAHGUNAAN KUASA

Perkataan rasuah datang dari bahasa Arab '*ar-Risywah*' yang bermaksud sebagai penyambung yang dapat menyampaikan tujuan dengan barang atau harta sogokan (Abu Bakar Yang, 2007). Menurut World Bank (2008) rasuah merupakan antara halangan yang terbesar dalam pembangunan ekonomi dan sosial. Seterusnya Blackburn (2009) mengatakan bahawa rasuah merupakan penyalahgunaan kuasa oleh penjawat awam untuk merealisasikan kehendak sendiri. Rasuah merupakan satu perbuatan yang mementingkan diri sendiri, mengabaikan orang lain serta tidak berlaku adil kepada masyarakat.

Pada dasarnya, Malaysia telah berjaya mengislamisasikan pelbagai bidang yang ada dalam negara. Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam pentadbiran sebagai contoh adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran. Namun begitu, masalah rasuah dan penyalahgunaan kuasa masih lagi merupakan masalah paling besar yang dihadapi oleh negara ini. Rasuah dan penyalahgunaan kuasa masih berlaku di mana-mana sahaja, sama ada di jabatan kerajaan mahupun swasta.

Sehubungan dengan itu, pada tahun 1959 satu unit khas di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Special Unit Crimes dalam Polis DiRaja Malaysia ditubuhkan untuk menangani rasuah di Malaysia. Pada tahun 1967, Badan Pencegah Rasuah ditubuhkan. Pada tahun 1973, Biro siasatan Negara (BSN) atau National Bureau of Investigation (NBI) telah ditubuhkan. Pada tahun 1982, ianya dikenali sebagai Badan Pencegah Rasuah (BPR). Pada 1 Januari 2009, ianya telah dinaiktaraf kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sehingga kini (Chong Earn, 2015 dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, 2014).

Rasuah juga disebut sebagai suapan dalam Akta 694, iaitu Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Malaysia, 2009). Rasuah merangkumi segala bentuk penerimaan harta, pangkat dan jawatan, pelepasan bayaran dan balasan berharga sebagai balasan untuk melakukan sesuatu atau tidak melakukan sesuatu perkara yang wajib dilakukan oleh penjawat awam (Malaysia, 2009).

Terdapat enam jenis kesalahan rasuah dalam isu penjawat awam, iaitu meminta atau menerima rasuah, menawar atau memberi rasuah, mengemukakan tuntutan palsu, menyalahgunakan kuasa sebagai penjawat awam, menghalang siasatan dan pelucutan wang jaminan (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, 2012).

Menurut seksyen 16, 17, 18, 20, 21, 22 dan 23, mereka yang disabitkan dengan kesalahan rasuah akan menerima hukuman penjara tidak melebihi dua puluh tahun atau didenda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan (Malaysia, 2009).

Hakikatnya, jenayah rasuah dan penyalahgunaan kuasa ini merupakan antara penyakit sosial yang telah mewarnai tamadun manusia sejak sekian lama dan merupakan perkara yang universal tanpa batasan waktu dan masa. Tiada negara di dunia atau sistem pemerintahan sama ada kapitalis, sosialis atau komunis yang boleh mendakwa mereka bebas dari masalah rasuah (Mohamad Fauzi, 2001). Fenomena ini telah berlaku tanpa mengira blok negara yang wujud baik di timur mahupun di barat.